

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 [SELASA]**

**SOALAN : DR. AZMAN BIN ISMAIL** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah lawatan rombongan meninjau industri Pertanian ke Taiwan dan China di bawah Kementerian dan jumlah perbelanjaan lawatan - lawatan berkenaan. Bagaimanakah Kementerian mengukur kejayaan hasil lawatan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi tahun 2014, sebanyak 3 lawatan kerja telah diadakan iaitu:

- i. Rundingan Dua Hala dengan *Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ)* dan Kementerian Pertanian China (MOA China), di Beijing, pada 12 hingga 15 Mei 2014;
- ii. *Malaysia-Xi'an Halal Food Festival* di *Muslim Street (Beiyuanmen Street)*, di Xian, pada 27 hingga 31 Mei 2014; dan
- iii. *Vitafoods Expo* serta beberapa program promosi lain di Hong Kong dari 2 hingga 5 September 2014.

Tujuan utama Rundingan Dua Hala ini adalah bagi membincangkan isu-isu yang tertangguh dengan pihak AQSIQ. Antaranya adalah perkara berkaitan laluan pasaran bagi buah-buahan seperti durian segar, nanas dan nangka, serta protokol pemeriksaan dan kuarantin bagi pengimportan dan pengeksportan haiwan akuatik hidup antara Malaysia-China.

Program Promosi di China ini merupakan salah satu program di bawah inisiatif *Food and Agro Council for Export (FACE)* selaras dengan penubuhannya pada awal 2014. Jumlah perbelanjaan bagi lawatan ini adalah RM158,000. Antara hasil lawatan dan perbincangan adalah seperti berikut:

- i. Kementerian mensasarkan untuk menghantar sekurang-kurangnya 1,000 *Stock Keeping Unit (SKU)* produk usahawan bimbingan Kementerian menjelang akhir 2014;
- ii. Xi'an, RRC akan dijadikan gerbang pintu masuk bagi produk halal Malaysia di mana terdapat 140,000 orang Islam dan kira-kira 25 juta orang Islam dari *province* yang berhampiran; dan
- iii. Penghantaran produk bimbingan usahawan Kementerian ke lot kedai Hj Daud di Muslim Street sebelum pembinaan Agro Bazar premis kekal.

Antara kemajuan yang telah dicatatkan melalui program promosi perdagangan dan pemasaran luar negara ke China keseluruhannya termasuk:

- i. Sejumlah 656 SKU telah mendapat lesen kemasukan eksport oleh *Custom Immigration and Quarantine (CIQ)* China;
- ii. Tujuh buah-buahan (tembikai, kelapa muda, longan, manggis, durian sejuk beku, rambutan dan betik) Malaysia telah memperoleh kebenaran masuk ke China (*market access*);

- iii. Enam lagi buah-buahan (*durian whole fruits*, pisang, nangka, tomato, nanas, *minimumly processed jackfruit* dan belimbing) tempatan sedang diusahakan untuk masuk ke pasaran China; dan
- iv. Sejumlah 314 metrik tan durian sejuk beku bernilai RM25.6 juta telah dieksport ke China semenjak kelulusan market access diperoleh. Pada tahun 2014 sasaran jualan ialah sebanyak RM20 juta.

Bagi Program Promosi di Hong Kong, lawatan kerja telah dibuat ke tiga program seperti berikut:

- i. Ekspo *Vitafoods Asia 2014* - bagi mempromosi produk-produk berasaskan herba;
- ii. *Asia Fruit Logistica 2014* - bagi mempromosi produk buah-buahan tempatan; dan
- iii. *Seafood Expo Asia 2014* - bagi mempromosi produk-produk perikanan dan akuakultur.

Dalam *Ekspo Vitafoods Asia*, sebanyak 24 usahawan Malaysia telah terlibat dalam ekspo ini di bawah bimbingan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE) serta Perbadanan Bioteknologi. Semasa ekspo tersebut, terdapat banyak pertanyaan dan permintaan terhadap produk usahawan Malaysia dengan anggaran potensi jualan sebanyak RM25 juta. Ini juga memberi peluang kepada peningkatan permintaan bahan mentah tempatan.

Bagi *Asia Fruit Logistica* pula, Kementerian melalui agensinya iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menyelaraskan penyertaan sebanyak empat usahawan pengeksport

buah-buahan tempatan iaitu durian, nangka, nanas, tembikai dan buah naga. Pameran selama tiga hari ini telah merekodkan potensi jualan sebanyak RM9 juta. Semasa pameran ini berlangsung, pasukan penyelidik dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) turut membuat kajian pasaran berkaitan penerimaan pengunjung terhadap buah durian di mana hasil kajian mendapati durian mencatatkan rekod permintaan yang tinggi.

Ekspo ketiga yang disertai Kementerian di Hong Kong adalah *Seafood Expo Asia*. Kementerian telah menghantar sebanyak 9 usahawan yang mempromosikan produk makanan berasaskan ikan, udang, sotong dan ketam. Sebanyak kira-kira 500 pertanyaan telah direkodkan di mana 144 pertanyaan didapati daripada pembeli yang berpotensi. Walaupun negara lain turut menawarkan produk yang sama namun produk usahawan Malaysia menjadi pilihan berdasarkan kualiti yang lebih baik serta makanan berstatus halal. Pameran ini turut mencatatkan potensi jualan untuk usahawan Malaysia sebanyak RM12 juta. Jumlah perbelanjaan bagi lawatan kerja ini adalah sebanyak RM83,500.

Secara keseluruhannya, program promosi ke China merupakan satu usaha yang perlu diteruskan. Ini kerana pasaran negara China yang besar dan berkembang pesat merupakan satu peluang yang baik kepada usahawan bimbingan Kementerian untuk mengeksport produk-produk tempatan ke luar negara.

**NO. SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7108**

**SOALAN:**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Pejabat Imigresen di Kampar telah ditutup selepas beroperasi selama tiga tahun dan adakah ini berkait dengan kekurangan peruntukan kewangan dan ketiadaan waran perjawatan bagi pegawai-pegawai yang diperlukan.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pejabat Imigresen di Kampar telah ditutup kerana tidak mendapat kelulusan peruntukan kewangan daripada Kementerian Kewangan dan bukan disebabkan ketiadaan waran. Di samping itu, kedudukan pejabat terbabit juga didapati tidak menepati syarat keselamatan sebagaimana yang digariskan oleh Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dan juga keperluan 'Sijil Siap dan Pematuhan' (CCC) oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).**